



SIARAN AKHBAR

MESYUARAT KE-ENAM MAJLIS KOMUNITI SOSIO KEBUDAYAAN ASEAN (6TH ASEAN SOCIO- CULTURAL COMMUNITY COUNCIL MEETING - ASCC)

9-10 OCTOBER 2011

Samarang, Jawa Tengah, Indonesia, 10 Oktober - Mesyuarat Menteri-Menteri Majlis Komuniti Sosio Kebudayaan ASEAN telah diadakan pada 9-10 Oktober 2011 di Semarang, Jawa Tengah, Indonesia. Mesyuarat dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Mesyuarat tersebut di pengerusikan oleh Tuan Yang Terutama H.R. Agung Laksono, Menteri Koordinasi Kesejahteraan Rakyat Indonesia dan di hadiri oleh Menteri-Menteri Komuniti Sosio Kebudayaan ASEAN dari Negara-Negara ASEAN dan Timbalan Setiausaha Agung ASEAN.

Yang Berhormat Pehin dalam kenyataannya menjelaskan akan pentingnya Tunjang Sosio Kebudayaan ke arah merealisasikan Komuniti ASEAN di tahun 2015, lebih-lebih lagi kearah mengwujudkan pertubuhan yang memberikan keperihatinan kepada masyarakat dan yang mempunyai tanggungjawab sosial.

Negara Brunei Darussalam selaku Pengurus Bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Pendidikan ASEAN, mengongsikan perkembangan mengenai perasmian mekanisme ASEAN Plus Three di Bidang Pendidikan dan isu mengenai "credit transfer framework" di antara Universiti negara-negara ASEAN. Mesyuarat mengambil maklum bahawa beberapa inisiatif berkenaan sedang berjalan dari segi tindakan susulan, dimana

pegawai-pegawai kanan dalam bidang Pendidikan (ASEAN SOM-ED) disarankan untuk mengadakan konsultasi dengan rangkaian Universiti ASEAN (AUN) dan inisiatif yang berkenaan untuk menghasilkan rangka kerja bagi negara-negara yang bekerjasama dan mempertingkatkan kesaling hubungan di antara masyarakat ASEAN (*people-to-people contact*).

Seterusnya Yang Behormat Pehin juga menekankan betapa pentingnya komponen kebudayaan bagi melahirkan identiti ASEAN dalam kepelbagaiannya masyarakat ASEAN. Yang Berhormat menyatakan bahawa Brunei Darussalam berbangga yang ASEAN telah memberi kepentingan terhadap kerjasama dalam bidang Kebudayaan yang mana ini setentunya akan membantu meningkatkan kefahaman diantara masyarakat ASEAN. Menurut Yang Berhormat Pehin di antara cabaran utama di dalam memelihara warisan budaya ialah kurangnya penghargaan terhadap budaya setempat yang mana ini bolih menjadi penghalang kepada usaha-usaha untuk meningkatkan pemahaman budaya di antara satu sama lain (*cross cultural understanding*). Sehubungan dengan ini, Yang Berhormat Pehin seterusnya menyatakan mengenai kepentingan bagi mengalakkan penglibatan belia-belia sebagai pemimpin masa depan didalam aktibiti kebudayaan, bagi memastikan objektif memelihara warisan negara tercapai.

Yang Berhormat seterusnya juga menyarankan agar proses pembentukan projek-projek dan program-program ASEAN yang berkaitan dengan sosio-kebudayaan akan menetapkan “indicators” yang jelas agar usaha mendapatkan peruntukan termasuk daripada pihak luar akan dapat siusahakan.

Mesyuarat juga bersetuju untuk menyokong perkara-perkara berikut untuk dihadapkan kepada Ketua-Ketua Kerajaan / Negara ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-19 yang akan diadakan di Bali pada 17-19 Nobember 2011 ini. Antara dokumen-dokumen tersebut adalah:

- Deklarasi Bali Dalam Peningkatan dan Penglibatan Orang Kurang Upaya dalam Masyarakat ASEAN (*Bali Declaration on the Enhancement of the Role and Participation of Persons with Disabilities in the ASEAN Community*);
- Deklarasi Komitmen ASEAN: Menuju Kearah Jangkitan Baru Sifar, Diskrimnasi Sifar dan Kematian Sifar Disebabkan AIDS (*ASEAN Declaration of Commitment: Getting to Zero New HIV Infections, Zero Discrimination, Zero AIDS-Related Deaths*);
- Penyataan Ketua-Ketua Negara ASEAN Mengenai Perubahan Iklim Kepada Sesi ke Tujuh Belas Ahli Persidangan Kepada Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim (*ASEAN Leaders' Statement on Climate Change to the 17th Session of the Conference of the Parties to the United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCC) (COP17) and the 7th Session of the Conference of Parties Serving as the Meeting of Parties to the Kyoto Protocol (CMP7)*);
- Perjanjian Bagi Penubuhan Pusat Penyelarasan Bagi Bantuan Kemanusiaan bagi Pengurusan Bencana (*Agreement on the Establishment of the ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on Disaster Management (AHA Centre)*);
- Deklarasi ASEAN Mengenai Bersatu Dalam Kepelbagaian Budaya: Kearah Mengukuhkan Masyarakat ASEAN (*Declaration on ASEAN Unity in Cultural Diversity: Towards Strengthening ASEAN Community*);
- Memorandum Persafahaman Di antara ASEAN dan Republik Rakyat China Mengenai Kerjasama Dibidang Kesihatan (*Memorandum of Understanding (MOU) between the Government of Member States of the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) and the Government of the People's Republic of China on Health Cooperation*;

- Penubuhan Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Hal Ehwal Wanita (*ASEAN Ministerial Meeting on Women*) dan
- Pengumuman Mengenai Abad ASEAN Bagi Orang Kurang Upaya (*ASEAN Decade of Persons of Disabilities 2011-2020*).

Menteri-Menteri Majlis Komuniti Sosio Kebudayaan ASEAN juga telah menghadiri Malam Gala yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama Babit Waduyo Gabenor Jawa Tengah bertempat di Wisma Perdamaian, Semarang, Indonesia.

Mesyuarat seterusnya bersetuju bagi Mesyuarat Ke-Tujuh Majlis Komuniti Sosio-Kebudayaan ASEAN diadakan di Phnom Penh, Kemboja pada bulan April 2012.



Dikeluarkan oleh:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

10 Oktober 2011

